

Tingkat kecekapan

*Fokus utama
IFCEM 2018 urus
kebakaran,
bencana*

MUHAMAD SAFWAN
FADZIL

SUBANG JAYA

Pertukaran maklumat serta pengetahuan mengenai cabaran, amalan terbaik serta teknologi terkini dalam meningkatkan kecekapan pengurusan keselamatan kebakaran dan bencana menjadi fokus utama International Fire Conference and Exhibition Malaysia 2018 (IFCEM 2018).

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan



Noh melihat alat yang dipamerkan di pameran IFCEM 2018 yang bertempat di Pusat Konvensyen Sunway Pyramid.

Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar berkata, pembangunan yang berlaku hari ini perlu lebih proaktif dari sudut keselamatan kerana negara berada dalam dalam proses pembedaan.

"Jumlah anggota bomba

sekarang kira-kira 15,000, kalau kita lihat seluruh negara, jumlah ini memang tidak mencukupi dari segi keperluan balai bomba.

"Dengan 29 balai bomba baharu, waktu respons bomba menjadi lebih cepat, 10

minit. Untuk capai waktu respons itu, bomba perlu balai yang mencukupi," katanya selepas merasmikan IFCEM 2018 di Pusat Konvensyen Sunway Pyramid.

Kerajaan menghargai jasa anggota bomba seperti yang diumumkan Perdana Menteri dengan pemberian elaun khas sebanyak RM200 yang sebelum ini hanya dinikmati anggota polis, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dan tentera.

"Elaun anggota bomba sukarela juga dinaikkan, ini menunjukkan khidmat bomba sentiasa mendapat perhatian kerajaan," katanya.

Sementara itu, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Datuk Seri Wan Mohd Nor Ibrahim berkata, IFCEM 2018 merupakan platform terbaik Malaysia belajar dari pakar-pakar antarabangsa.